



NOTIS MAKLUMAN

PENGGUNAAN KALKULATOR DI DALAM PORTAL JACCESS LPPSA BAGI PENGIRAAN ANGGARAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA

Dimaklumkan bermula **22 Januari 2024**, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) akan membuat pautan terus kalkulator pembiayaan di laman sesawang LPPSA dan aplikasi MyFinancing ke kalkulator pembiayaan di portal JAccess.

Kalkulator pembiayaan di JAccess membolehkan pelanggan membuat pengiraan anggaran ansuran bulanan yang lebih tepat dan anggaran jumlah perlindungan takaful gadai janji dan kebakaran oleh panel takaful LPPSA secara masa sebenar. Kalkulator pembiayaan di portal JAccess juga boleh memperincikan kelayakan semasa pemohon dengan mengambil kira pembiayaan sedia ada atau telah diselesaikan; pembiayaan Jenis 4 (pembelian tanah bagi tujuan pembinaan rumah kediaman) dengan Jenis 6 (pembinaan rumah kediaman di atas tanah yang dibiayai melalui pembiayaan LPPSA); dan/ atau pembiayaan kali pertama dan kedua.

Untuk mengakses kepada portal tersebut, pemohon baharu perlu membuat pendaftaran akaun terlebih dahulu manakala pemohon sedia ada pula boleh terus mengakses ke portal tersebut dengan memasukkan id pengguna dan kata laluan. Pemohon baharu dan sedia ada berdaftar boleh mengakses portal di pautan <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/index.php?menu=HOMESC>.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

5 JANUARI 2024